

One South pemacu perolehan Hua Yang

KUALA LUMPUR - Hua Yang Bhd. (Hua Yang), pemaju hartanah, me-



Hartanah

netapkan sasaran jualan sebanyak RM300 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2011 dengan One South di Sungai Besi dekat sini sebagai pemacu utama perolehannya.

Ketua Pegawai Operasinya, Ho Wen Yan berkata, projek yang memiliki nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM750 juta itu dijangka menyumbang sebahagian besar daripada nilai projek yang akan dilaksanakan oleh kumpulan itu pada tahun ini yang bernilai RM1 bilion.

One South merupakan projek pembangunan bercampur yang melibatkan hartanah runcit, komersial dan kediaman yang dibangunkan di kawasan seluas lebih 7.2 hektar di Sungai Besi.

Projek itu akan membabitkan lima fasa dan mengambil masa selama lapan tahun untuk disiapkan.

"Fasa satu dengan GDV sebanyak RM200 juta akan mengandungi premis runcit dan pejabat manakala bagi fasa kedua, ketiga dan keempat pula masing-masing akan melibatkan pembinaan apartmen perkhid-

matan.

Fasa akhir melibatkan hartanah pejabat," katanya pada sidang media mengumumkan projek hartanah itu di sini semalam.

Wen Yan menjelaskan, kerja-kerja membangunkan 384 unit pejabat kedai bermula bulan lepas itu akan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan.

"Kami sudah menerima sambutan yang menggalakkan daripada pembeli. Sejak pelancaran awal pada bulan Februari, 30 peratus atau kira-kira 47 unit daripada 155 pejabat yang ditawarkan sudah dijual," katanya.

Selain itu, syarikat juga bercadang untuk melancarkan 73 lot runcit pada bulan Julai. Keluasan lot pejabat dan runcit adalah daripada 44.5 sehingga 195.096 meter persegi dengan harga daripada RM350 hingga RM750 bagi 0.092 meter persegi.

Di samping itu, Wen Yan menjelaskan, projek Hua Yang yang lain termasuk Senawang Link bernilai RM45 juta serta satu pembangunan komersial dan industri di Seremban, Polo Park (RM28 juta).